

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (SETEMPAT)

TARIKH: 01 APRIL 2018

MUKA SURAT: 50



PENGUNJUNG mendapatkan maklumat berkenaan projek rumah PRIMA di Ekspo Jualan Perumahan Edisi Nasional di PWTC, semalam.

Kuala Lumpur

Bukan janji kosong

Rakyat diingatkan supaya tidak terpengaruh dengan hasutan pakatan pembangkang yang memperkecilkan usaha Kerajaan Persekutuan menyediakan kediaman mampu milik menerusi Perbadanan Perumahan 1 Malaysia (PRIMA).

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Tan Sri Noh Omar, berkata PRIMA tidak berfungsi seperti syarikat swasta yang mementingkan keuntungan bagi setiap projek perumahan dibina. "Jangan ingat PRIMA ini

syarikat swasta. Syarikat swasta hanya nak untung.

"PRIMA tak dapat untung malah kerajaan bagi lagi duit supaya projek berjalan lancar.

"Kita bukannya guna teori dan janji kosong semata-mata tetapi kita tepati dan laksanakan janji," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri majlis penyampaian insentif perumahan KPKT dan menandatangani perjanjian jual beli PPR di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini semalam.